

Kaedah Peperangan

XUN ZI

1. PERBINCANGAN

Peperangan adalah suatu perkara yang amat penting bagi negara. Ia berhubung dengan soal hidup dan mati, malah menentukan jatuh bangunnya negara. Oleh yang demikian, ia memerlukan kajian yang amat teliti dan mendalam. Dalam mempertimbangkan adat berperang, perbincangan dan perbandingan mestilah berdasarkan lima prinsip yang berikut:

1. Faktor moral/semangat/matlamat moral
2. Keadaan iklim
3. Keadaan muka bumi
4. Keperwiraan pegawai pemerintah
5. Organisasi dan disiplin

1. Matlamat moral atau semangat ini membolehkan semua orang bersependapat dengan pemimpin, malah kerananya mereka rela mengorbankan jiwa raga dan kerananya juga mereka setia mengikutnya dalam segala kesulitan.
2. Keadaan iklim berkait rapat dengan cuaca, musim dan masa sesuai atau tidak sesuai.
3. Keadaan muka bumi berkait dengan jarak, sifat muka bumi (dekat atau jauh, menguntungkan atau merugikan, selamat atau merbahaya).
4. Keperwiraan pegawai pemerintah menunjukkan sifat-sifat bijaksana, yakin, simpati dan cergas.
5. Organisasi dan disiplin menandakan keteraturan dan kemahiran mengurus orang dan hal-ehwal tertentu supaya kesemuanya dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Kelima-lima prinsip ini mesti betul-betul difahami setiap panglima. Orang yang benar-benar faham akan memenangi kejayaan dan yang tidak faham itu akan menanggung kekalahan. Oleh itu, apabila memikirkan peralatan dan keadaan peperangan, pertimbangan perlu dilakukan dalam urutan berikut:

1. Yang mana lebih kuat matlamat moralnya antara dua buah kerajaan?
2. Siapa yang mempunyai keperwiraan lebih baik antara dua pegawai pemerintah?
3. Pihak mana mempunyai keuntungan dari segi iklim dan muka bumi?
4. Pihak mana mempunyai keteraturan dan disiplin yang lebih baik?

5. Pihak mana mempunyai angkatan tentera yang lebih handal?
6. Pihak mana mempunyai pegawai dan anggota tentera yang lebih terlatih?
7. Pihak mana mempunyai sitem ganjaran dan hukuman yang lebih baik?

Berdasarkan jawapan kepada soalan tersebut, kita boleh meramalkan kesudahan peperangan, sama ada menang atau kalah. Panglima yang boleh membuat pertimbangan dengan cara ini sudah pasti akan mencapai kemenangan. Oleh itu, usaha mesti dibuat untuk mengekalkan khidmat mereka. Panglima yang gagal membuat pertimbangan dengan cara ini sudah pasti akan menanggung kekalahan dan mereka mesti disingkirkan dari perkhidmatan. Setiap orang mesti mengikut suatu yang menguntungkan. Dia mesti juga bersedia menghadapi sebarang kecemasan dan mengubah rancangan sesuai dengan kehendak dan keadaan yang berubah-ubah dengan tujuan mendapat hasil yang terbaik.

Peperangan adalah terutamanya suatu mainan penipuan. Bila musuh berkebolehan, kita mesti berpura-pura tidak berkebolehan. Apabila orang lain aktif, kita berpura-pura tidak aktif. Bila musuh hampir mencapai matlamatnya, kita berpura-pura masih jauh lagi daripada pencapaian matlamat kita. Apabila musuh masih jauh lagi dengan matlamatnya, kita berpura-pura sudah hampir dengan matlamat kita. Bila musuh gemarkan sedikit perolehan, kita mesti memujuknya dengan memberi umpan. Apabila musuh berada dalam keadaan kelam-kabut, kita dapat menghancurkan mereka dengan mudah. Bila musuh itu kuat, kita mesti berhati-hati membuat persiapan. Kita mesti mengelakkan diri daripada menyerang kekuatan musuh, sebaliknya menumpukan perhatian kepada kelemahan musuh.

Bila musuh sudah dalam keadaan marah, kita mesti sedaya upaya mencetuskan lagi kemarahan mereka. Kita mesti berpura-pura lemah supaya mereka lebih angkuh lagi. Bila musuh sudah amat ghairah untuk bertindak, kita mesti cuba memenatkannya dengan bersenang-senang dan rehat. Bila musuh bersatu, kita mesti cuba mencetuskan pertelingkahan di kalangan mereka. Kita mesti menyerang musuh bila mereka paling tidak bersedia dan ketika mereka paling tidak menduga serangan perlu dilancarkan ke atas mereka. Semua pertimbangan ini adalah amat asasi untuk kejayaan ketenteraan dan ia tidak sepatutnya diketahui musuh. Panglima yang berupaya dari awal membuat pertimbangan dengan teliti itu dapat mencapai kejayaan. Yang tidak dapat membuat pertimbangan dengan teliti mesti menanggung kekalahan. Perancangan rapi akan membawa kemenangan. Perancangan yang lalai akan membawa kekalahan. Kekalahan adalah lebih pasti lagi tanpa sebarang perancangan. Daripada cara peperangan itu dirancang pada tahap awalnya, kita dapat meramalkan kemenangan atau kekalahan.

2. PERANCANGAN

Dalam pelaksanaan peperangan yang sebenar di medan perang, mungkin terdapat beribu-ribu buah kereta kuda dan kenderaan pengangkutan serta puluhan ribu orang askar yang bersenjata. Bekalan mungkin perlu dibawa beribu-ribu *li* ([3 *li* = 2 batu] catatan penterjemah) jauhnya. Perbelanjaan tentera bagi ketumbukan askar seramai 100,000 orang – biaya langsung dan tidak langsung, bayaran hiburan tetamu, kos peralatan dan bekalan – mungkin melebihi beribu tahil perak sehari. Bila kemenangan lambat dicapai, semangat yang berkobar dan keyakinan di kalangan askar akan merosot. Apabila kepungan ke atas sebuah bandar itu berlarutan, kekuatan untuk melawan akan semakin lemah. Apabila gerakan peperangan berlanjutan, perbendaharaan negara akan menjadi turun. Bila semangat dan keyakinan askar sudah merosot, bila kekuatan melawan sudah semakin susut dan bila perbendaharaan negara sudah semakin turun, ia memberi peluang kepada kerajaan di negara lain untuk mengambil kesempatan. Dalam keadaan amat lemah itu, orang yang sebijak manapun tidak dapat memperbaiki suasananya.

Dengan demikian orang yang bodoh mungkin akan mendapat kejayaan segera, walhal orang yang paling bijak pun berkemungkinan akan gagal dalam peperangan yang berlarutan. Tidak pernah terjadi peperangan yang berlarutan itu menguntungkan mana-mana negara. Oleh itu, baik siapa pun yang tidak menyedari betul-betul akan bahaya peperangan tidak akan mengetahui cara yang paling baik untuk melancarkan peperangan.

Orang yang mahir dalam kaedah peperangan akan memastikan askarnya tidak memerlukan kerahan tenaga kedua kali dan bekalan tidak perlu ditambah lebih daripada dua kali. Senjata yang secukupnya sudah dibawa dari negara sendiri dengan askar itu dipaksa hidup dengan meramu daripada pihak musuh. Cara begini akan menjamin bekalan makanan mencukupi untuk askar itu. Bila kelengkapan tentera perlu diangkut dari tempat yang jauh, ia akan menyebabkan kemelesetan perbendaharaan negara dan kemiskinan rakyat keseluruhannya. Bila tentera semakin mara ke depan, gerakan tersebut mungkin menyebabkan harga barang naik dan harga yang tinggi itu akan menyebabkan simpanan makanan rakyat berkurang.

Dalam keadaan itu, kekayaan negara menjadi semakin meleset, pungutan wang dan cukai pula semakin bertambah. Kehilangan kekayaan dan sumber-sumber mungkin sebanyak tujuh persepuluh daripada jumlah pemilikan di kalangan rakyat. Bagi pihak negara, perbelanjaan bagi perkara-perkara seperti kereta kuda, senjata dan lain-lain mungkin berjumlah sebanyak enam persepuluh dari jumlah hasil negara. Oleh kerana itu, panglima yang bijak membenarkan askarnya meramu bekalan daripada musuh. Suatu perbekalan yang dirampas dari musuh boleh dikira bernilai dua puluh kali ganda perbekalannya sendiri. Yang mendorong orang membunuh musuh ialah provokasi dan yang menjadikan penaklukan ke atas musuh yang menguntungkan ialah harta rampasan.

Dalam peperangan yang menggunakan kereta kuda, orang yang dapat menawan sepuluh pertama atau lebih buah kenaikan itu patut diberi hadiah. Selepas diubah warnanya, kenaikan itu boleh digunakan, sementara tawanan perang pula dilayan dengan sebaik-baiknya. Inilah cara untuk menambah kekuatan dengan membahagi-bahagi harta pihak yang kalah. Kerana itu dalam peperangan, kita mesti mempunyai matlamat akan menang dengan segera dan mengelakkan gerakan itu berlarutan. Pakar peperangan adalah orang yang menentukan untung-nasib orang ramai dan keselamatan negara.

3. STRATEGI

Dalam mengendalikan peperangan, adalah lebih baik untuk menakluki negara, angkatan tentera, bahagian, kompi dan pasukan dengan seutuhnya daripada memusnahkannya. Memenangi setiap pertempuran dengan berlawan sebenar sebelum peperangan itu dimenangi adalah tidak digalakkan. Menawan musuh tanpa melibatkan peperangan amat digalakkan. Kepanglimaannya yang paling baik ialah menawan musuh melalui strategi, kepanglimaannya yang kedua terbaik ialah melalui perikatan. Kepanglimaannya yang terbaik juga ialah menawan musuh dengan pertempuran. Kepanglimaannya yang amat buruk ialah menawan musuh dengan mengepung kota-kota bertembok. Mengepungan kota-kota bertembok seharusnya dielakkan jika boleh, kerana ia memerlukan tidak kurang tiga bulan bagi melengkapkan persiapan mengumpul senjata yang diperlukan, dan tiga bulan bagi membina batas sebelum tembok dapat dipanjati. Sepanjang tempoh itu, pemerintah tentera mungkin tidak sabar menunggu dan bergopoh-gapah melancarkan serangan. Dengan berbuat demikian, dia akan kehilangan satu dari setiap tiga orangnya sebelum menjatuhkan kota itu. Demikianlah bencana buruk yang terhasil kesan dari pengepungan ke atas kota-kota bertembok.

Oleh itu orang yang mahir berperang adalah yang menawan musuh tanpa bertempur, menawan kota tanpa mengepungnya dan menjajah negeri tanpa peperangan yang berlarutan. Mereka dapat mengekalkan keutuhan angkatan tentera selain berusaha keras untuk menguasai seluruh empayar. Mereka boleh menang dengan sepenuhnya tanpa memenatkan orang mereka. Semua ini adalah kerana penggunaan strategi. Dalam melancarkan peperangan, bila musuh sudah kekurangan tentera sebanyak sepuluh orang lawan satu orang, cara yang terbaik ialah mengepungnya; lima orang lawan satu orang; cara yang terbaik ialah menyerang mereka; dua orang lawan satu orang, cara yang terbaik ialah memecah belahkan mereka. Bila kedua-dua belah tentera itu sama kuat, cara yang terbaik ialah menyerang. Bila tentera musuh lebih banyak dan kuat sedikit, cara yang terbaik ialah bersedia untuk bertahan. Bila tentera musuh jauh lebih banyak dan kuat, cara yang terbaik ialah mengelakkan dari serangan mereka. Ini disebabkan walau bagaimana gigih sekalipun sebuah pasukan tentera yang kecil, akhirnya ia akan tumpas dan tewas di tangan musuh yang besar dan kuat. Panglima adalah pelindung negara. Sekiranya mereka cekap dalam kemahiran

perang, negara mereka pasti menjadi kuat; jika mereka lemah dalam kemahiran perang, negara itu pasti menjadi lemah. Raja sebuah negara mungkin membawa bencana kepada pasukan tenteranya dengan tiga cara:

1. Baginda memerintah tenteranya mara atau undur pada ketika tidak sepatutnya. Ini bermakna mengganggu dalam perintah tentera.
2. Baginda menggunakan cara mengurus hal-ehwal ketenteraan seperti hal-ehwal awam. Ini menyebabkan kacau bilau dalam tentera.
3. Baginda melantik orang yang jahil dalam ilmu ketenteraan dalam jawatan tentera. Ini menyebabkan hilangnya keyakinan di kalangan pegawai dan anggotanya.

Bila tentera sudah kacau-bilau dan keyakinan sudah meleset, raja dari negara lain pasti akan mengambil kesempatan untuk mencetuskan kesukaran. Dengan menyebabkan kacau-bilau dalam tentera, seakan-akan menjemput kekalahan para musuh. Ada lima cara bagaimana kemenangan dapat dicapai:

1. Orang yang tahu bila waktunya perlu bertempur dan bila tidak perlu akan mencapai kemenangan.
2. Orang yang tahu cara untuk mengendalikan angkatan tentara yang besar dengan angkatan tentera yang kecil itu akan menang.
3. Orang yang mendapat sokongan daripada segenap lapisan pegawai dan anggotanya akan menang.
4. Orang yang bersedia untuk merebut semua peluang yang baik akan mencapai kemenangan.
5. Orang yang memiliki sifat kepanglimaannya dan juga tidak diganggu raja akan menang.

Inilah lima jalan memperoleh kemenangan. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa:

1. orang yang mempunyai pengetahuan luas tentang keadaan musuhnya adalah pasti untuk memperoleh kemenangan dalam semua pertempuran.
2. Orang yang mempunyai pengetahuan luas tentang keadaan dirinya tetapi tidak mengetahui musuhnya itu mempunyai peluang yang sama dengan musuhnya untuk menang atau kalah dalam peperangan.
3. Orang yang tidak mempunyai pengetahuan luas baik tentang keadaan dirinya atau musuhnya itu akan pasti kalah dalam semua pertempuran.

4. TAKTIK

Pada zaman lampau, orang yang mahir dalam perang akan terlebih dahulu menempatkan diri di suatu tempat yang selamat dan sukar diganggu sementara

menunggu untuk merebut peluang terbuka bagi menawan musuh. Bagi menjamin dirinya daripada ditawan, bergantung pada daya usahanya, selain peluang untuk merebut kemenangan itu seharusnya darang dari pihak musuh. Bagaimanapun, pakar perang hanya dapat membuat persediaan bagi dirinya dari ditawan tetapi tidak dapat memastikan peluang kemenangan yang hanya dapat disediakan pihak musuh. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kita mungkin hanya dapat mengetahui kemenangan boleh dicapai, tetapi tidak dapat menciptanya. Untuk menjamin diri dari ditawan, kita mesti mempertahankan diri dengan taktik penyerangan yang rapi.

Bila satu pihak mempunyai pasukan yang lebih kecil dan lemah, cara yang paling baik untuk bertindak ialah membuat persediaan bagi mempertahankan diri. Sebaliknya, jika pihak itu mempunyai pasukan yang lebih besar dan kuat, cara yang baik untuk bertindak ialah dengan membuat serangan. Seorang pakar perang yang bijak menggunakan taktik mempertahankan diri itu mampu menempatkan pasukan tenteranya di tempat yang selamat dari sebarang gangguan. Demikian juga halnya, jika ia menggunakan taktik penyerangan dengan pintar, ia pasti dapat mengatur pasukannya dengan baik bagi mencapai matlamatnya. Oleh itu, seorang pemimpin boleh mengekalkan keutuhan angkataannya bagi mencapai kemenangan. Mencapai kemenangan yang sudah dijangka orang terbanyak adalah kemenangan yang tidak perlu disanjung dan dipuji.

Bagi menawan sebuah negeri dan menaklukinya kerana menggunakan kemahiran membunuh juga bukan kemenangan yang boleh dibanggakan. Menegakkan seurat rambut yang halus itu tidak menandakan kuasa tenaga yang luar biasa. Keupayaan melihat yang tajam dan keupayaan mendengar guruh dan petir tidaklah juga bermaksud mempunyai pandangan yang sensitif. Berdasarkan ukuran orang zaman silam, pakar perang adalah orang yang bukan hanya sekadar berjaya mencapai kejayaan dengan cemerlang, tetapi juga dapat mencapai kejayaan itu dengan senang dan dengan cara yang tidak diduga langsung oleh kebanyakan orang. Oleh itu, kemenangan bagi orang yang mahir dalam selok-belok perang sering tidak membawa rasa kebanggaan sama ada kerana keberanian atau kebijaksanaan. Mereka akan menang tanpa pengecualian kerana mereka sudah terlebih dahulu memastikan kemenangan sebelum memulakannya..

Pakar perang adalah orang yang akan menempatkan dirinya di tempat yang terjamin keselamatannya dan tidak akan melepaskan peluang yang baik yang terbuka bagi menawan musuh. Orang yang berjaya adalah yang selalu membuat kepastian untuk mencapai kejayaan sebelum ia mencabar pihak musuh. Orang yang tertewas adalah yang selalu mencabar musuh sebelum ia betul-betul pasti akan mencapai kejayaan. Pakar perang terlebih dahulu harus memiliki moral yang baik, selain mempunyai disiplin ketenteraan yang ketat. Dengan demikian, dia akan memperoleh kemenangan. Seni perang dapat diringkaskan di bawah tajuk-tajuk berikut:

1. Ukuran jarak
2. Anggaran perbelanjaan
3. Pengiraan angkatan tentera
4. Mengimbangkan (penyesuaian) segala kemungkinan
5. Perancangan ke arah kemenangan.

Dari segi jarak geografi, kita menggunakan ukuran. Dari ukuran jarak, kita dapat membuat anggaran perbelanjaan. Dari anggaran perbelanjaan, kita dapat membuat pengiraan angkatan tentera. Dari pengiraan angkatan tentera, kita dapat membuat keseimbangan segala kemungkinan untuk mencapai kejayaan dan mengelak kegagalan. Dari sini, kita akan membuat perancangan ke arah kemenangan. Seorang tentera yang mempunyai keyakinan bagi mencapai kejayaan dengan senang boleh mengatasi seorang tentera lain yang tertewas, ibarat berat 20 tahlil itu melebihi keberatan 1/24 tahlil. Seorang tentera yang tiba-tiba didatangi semangat keyakinan untuk mencapai kemenangan itu boleh diibaratkan air banjir yang melanda lemah yang beribu-ribu depa dalamnya.

5. PEMBENTUKAN SUSUNAN PASUKAN

Mengurus angkatan tentera yang besar sama seperti mengurus angkatan tentera yang kecil. Perbezaannya hanya dari segi organisasi. Sama ada orang itu berjuang bagi menentang angkatan yang besar atau kecil, prinsip petuanya adalah sama, perbezaannya hanya dari segi cara mengatur dan menyusun persediaan perang selain penggunaan isyarat. Bagi memastikan kejayaan dalam mempertahankan serangan musuh, kuasa yang dimiliki untuk menentang mesti dibahagikan kepada dua pasukan secara bijak:

1. Anggota tetap yang dikhaskan untuk berjuang dan menghadapi pertempuran di medan perang.
2. Anggota pasukan simpanan

Bila membuat serangan ke atas musuh, dia mesti melakukannya dengan cara yang paling rapi supaya dapat memberi kesan yang menguntungkan. Untuk itu, kedudukan pihak musuh dari segi kekuatan dan kelemahannya perlu diketahui terlebih dahulu. Dalam setiap pertempuran, anggota tetap yang dikhaskan untuk berjuang mesti ditugaskan untuk memulakan pertempuran dan kemudian disusuli anggota pasukan simpanan bagi memastikan kejayaan. Sekiranya lima jenis nota muzik itu digabungkan dalam pelbagai rangkaian, akan terciptalah pelbagai irama merdu yang tidak terkira banyaknya. Demikian juga jika lima jenis warna diadunkan antara satu sama lain, pasti akan menghasilkan bermacam-macam warna menarik yang tidak dapat dihitungkan jumlahnya. Demikian juga halnya jika lima jenis serbuk perasa itu dicampur adukkan antara satu sama lain, akan terhasil berjenis-jenis rasa yang lazat. Demikianlah ibaratnya jika satu-satu peperangan ingin dilancarkan.

Daya kuasa yang diperlukan air yang sedang deras mengalir bagi menggerakkan seketul batu. Masa yang tepat diperlukan seekor burung bagi menyambar mangsanya. Contoh dan perbandingan di atas adalah sama seperti orang yang mahir dalam peperangan melakukan serangan dengan menggunakan masa yang sesingkat mungkin dan waktu yang paling tepat. Persediaan ke atas medan perang perlu diatur dengan rapi dan bijak. Pergerakan pasukan mungkin kelihatan tidak teratur dan sering berlaku pergeseran di kalangan mereka, tetapi pada hakikatnya, semuanya berjalan mengikut perintah dan peraturan yang telah ditetapkan. Untuk bersikap pura-pura dalam keadaan yang tidak teratur, kita mesti mempunyai disiplin yang teratur untuk berpura-pura berada dalam ketakutan, kita mesti mempunyai keberanian yang penuh dan untuk berpura-pura bersikap lemah, kita mesti mempunyai kekuatan yang teguh dan utuh. Teratur tidaknya keadaan itu bergantung pada organisasinya. Keberanian atau ketakutan tergantung pada sikap permulaan yang dimajukan. Kekuatan atau kelemahan pula tergantung pada pandangan luar.

Orang yang mengetahui cara untuk melemahkan musuhnya boleh menyebabkan musuhnya memburu mereka dengan penonjolan sikap berpura-pura. Sikap yang sengaja dibuat-buat itu akan memberi suatu yang diharapkan musuhnya dan ia juga akan menyebabkan musuhnya meninggalkan tempatnya kerana termakan umpan. Akibatnya, mereka akan mudah dikepung. Orang yang mahir dalam perang sering mencapai kemenangan dengan merebut peluang baik yang dibuka musuhnya dan hanya bergantung sedikit pada tenaga perseorangan. Dia akan memilih orang yang sesuai dengan keadaan yang dihadapi. Dengan cara itu, dia boleh diibaratkan seperti menggerakkan batang kayu dan ketulan batu dengan kedudukan kedua-duanya ditentukan keadaan seperti yang mereka letakkan. Ketua perang yang mahir dalam seni perang boleh mendesak anggota tenteranya untuk bertindak seperti ketulan batu yang jatuh bergulingan ke bawah lembah gunung yang tingginya beribu-ribu kaki.

6. PENGGUNAAN PELUANG

Mereka yang sampai ke medan perang terlebih awal akan mempunyai masa untuk berehat sambil menunggu ketibaan musuh; sebaliknya yang terlambat sampai akan terburu-buru dalam menentukan tindakan lantaran mereka berada dalam keadaan penat dan keletihan. Orang yang mahir dalam peperangan akan menghalang perjalanan musuh dengan pelbagai kesulitan, selain dengan senang menanti kedatangan musuh. Dengan menggunakan taktik yang rapi dan bijak kita boleh membuat musuh menuju ke tempat seperti yang diinginkan. Dengan melakukan kekacauan dan kerosakan, kita dapat menahan musuh daripada sampai ke tempat tujuan mereka. Bila musuh ingin merehatkan diri, kita mesti mengganggu dan melemahkan mereka. Bila musuh mempunyai simpanan makanan yang banyak, kita mesti cuba membuat mereka lapar kebuluran dan

bila musuh bercadang untuk mendirikan perkhemahan bagi ketumbukan mereka, kita mesti mengusirnya ke tempat lain dengan segera.

Kita mesti membuat serangan di tempat musuh dijangka muncul dan muncul ketika musuh tidak menduga dia akan diserang. Bila ketumbukan tentera berupaya berjalan beribu-ribu li tanpa menunjukkan petanda keletihan, hakikat ini membayangkan adanya musuh. Serangan ke atas tempat pertahanan musuh yang terbukti lemah boleh menjanjikan kemenangan. Sebarang usaha bertahan akan berjaya hanya bila ia dilakukan di tempat yang tidak terdedah kepada serangan. Orang yang pintar melancarkan serangan akan menyebabkan musuh kehilangan pedoman dari segi cara mempertahankan diri daripada serangan ke atas mereka. Kesemua ini terjadi secara diam-diam, tanpa diduga dan tidak disangka langsung. Cara sedemikian akan menentukan kekalahan atau kemenangan. Nasib tentera musuh sudah sah berada dalam tangan panglima yang pintar. Bila serangan dilakukan bertubi-tubi ke atas kelemahan musuh, kemaraan akan bertambah meyakinkan. Bila pasukan tentera berupaya mengembara lebih pantas daripada musuh, pengunduran boleh dilakukan tanpa risiko diekori. Bila sudah tiba masa untuk bertempur, dan musuh didapati mempunyai perlindungan yang terjamin, usaha mengumpun mereka keluar boleh dilakukan dengan menyerang tempat tertentu yang perlu dipertahankan mereka.

Sekiranya kita menganggap tidak menguntungkan bertempur di medan perang, tetapi berhajat menawan musuh dengan cepat, serangan mengejut boleh dilakukan untuk mengucar-kacirkan musuh. Bila kita sudah tahu strategi peperangan musuh, sedangkan musuh tidak mempunyai sebarang maklumat tentang rancangan serangan itu, tinjauan ke atas pasukan tentera boleh dijalankan demi memecah-belahkan musuh. Bila pasukan tentera itu masih bersatu-padu sedangkan pihak musuh sudah berpecah-belah, keutuhan itu nescaya akan menumpaskan beberapa bahagian yang sudah berpecah. Pihak musuh pasti menghadapi kesukaran kerana terdesak berdepan dengan pasukan tentera yang masih utuh.

Tempat yang ingin diserang seharusnya dirahsiakan. Dengan berbuat demikian, kawalan dan pertahanan musuh akan berselerak di merata-rata tempat. Hakikat ini akan mengakibatkan kekuatan tentera musuh bertaburan, selain setiap pusat kawalannya menjadi lemah. Jika musuh didapati menumpukan perhatian di bahagian depan, pertahanannya di bahagian belakang nescaya adalah lemah. Begitu juga kalau pertahanannya tertumpu di bahagian belakang, maka bahagian depan adalah lemah. Jika pertahanan tertumpu di sebelah kanan, kelemahan akan tertonjol di sebelah kiri. Sebaliknya, jika pertahanan dialihkan ke bahagian kiri, bahagian di sebelah kanan adalah lemah. Kalau musuh mengambil keputusan untuk menyebarkan kekuatan tenteranya ke semua bahagian, maka pertahanan di semua bahagian pasti adalah lemah. Jika kita selalu berada dalam keadaan bertahan, kita pasti akan merasa pasukan kita tidak lengkap. Sebaliknya jika kita selalu melancarkan serangan ke atas pihak musuh, pasukan kita akan menjadi kuat dan lengkap sepanjang masa. Jika kita boleh menduga dengan

tepat tempat dan masa pertempuran yang akan berlaku, kita tentunya berupaya mengumpul dan menyusun tentera kita meskipun terpisah beribu-ribu li jaraknya. Sebaliknya jika kita tidak dapat menduga tempat dan masa pertempuran yang akan berlaku, kita sukar menerima kerjasama dengan sewajarnya daripada anggota dalam pasukan tentera kita walaupun jaraknya dekat.

Justeru itu, bila ramalan tentang tempat dan masa pertempuran itu meleset, kemenangan tidak pasti dapat dicapai biarpun kita mempunyai angkatan tentera yang besar dan kuat. Bolehlah dikatakan bahawa kemenangan bergantung kepada ramalan dengan tepat. Mempunyai tentera yang besar tidak bermakna musuh kita itu kuat. Mereka mungkin tidak berdaya untuk bertindakbalas. Dengan membuat perancangan serta tipu muslihat, segala gerakan bawah tanah dan komplot yang diatur pihak musuh akan dapat diketahui. Dengan bersikap offensif, kedudukan dan pergerakan musuh dapat dibaca. Dengan menggunakan taktik yang betul, kita boleh mengetahui kekuatan dan kelemahan musuh. Sementara itu, pertembungan dengan musuh membolehkan kita mengetahui perbezaan antara kedua-dua pihak. Orang yang bijak mengamalkan taktik nescaya dapat menyembunyikan segala rancangannya daripada diketahui musuh. Atas alasan sebegini, pengintip yang paling pintar sekalipun tetap akan gagal mengesan rancangan yang disusun. Begitu juga orang yang bijak bestari tidak berupaya merangka rancangan untuk serangan balas. Bagi menumpaskan tentera yang lebih kuat melalui penggunaan taktik yang bijak adalah suatu yang di luar dugaan orang ramai. Mereka boleh melihat bagaimana kemenangan itu menjadi kenyataan, tetapi tidak memahami selok-belok pengamalan taktik. Taktik yang sudah beroleh kemenangan tidak sepatutnya diulangi lagi dalam pertempuran yang akan datang. Sebaliknya, ia wajar diubahsuaikan mengikut tuntutan keadaan. Prinsip yang menjadi pedoman dalam taktik ketenteraan dapat diumpamakan seperti air yang mengalir dari paras tinggi ke satu paras lain yang lebih rendah. Tindakan segera perlu diatur untuk menguasai kelemahan musuh melalui penggunaan tenaga yang paling minimum. Seperti air menyesuaikan dirinya kepada rupa bentuk bumi, tentera seharusnya merancang kejayaan berpandukan keadaan musuh. Seperti air yang tidak mempunyai bentuk yang tetap, begitu juga halnya dengan peperangan yang juga tidak mempunyai peraturan atau panduan yang muktamad. Orang yang berupaya mempelbagaikan taktik ketenteraan demi mencapai kemenangan boleh disamakan dengan para dewa. Mereka adalah seperti lima unsur alam, empat musim, matahari dan bulan yang sentiasa berubah-ubah dan bersilang-ganti tanpa titik penamat.

7. GERAKAN MUSLIHAT

Dalam pengendalian perang, setelah panglima menerima arahan dari pihak tertinggi, hendaklah segera mengumpul dan menyusun tenteranya. Beliau

seharusnya memastikan perasaan harmoni terbentuk di kalangan pelbagai lapisan dan pangkat, manakala segala arahan dipatuhi dengan sebaik-baiknya. Gerakan muslihat adalah kegiatan yang menyulitkan. Hakikatnya adalah apa yang disangka akan terjadi tetapi tidak akan terjadi seperti ia diramalkan. Sebaliknya, apa yang disifatkan sebagai kelebihan pasti kelihatan membahayakan untuk diteruskan. Untuk memaksa musuh melalui jalan bahaya yang berliku-liku untuk masuk ke dalam perangkap yang sedia menanti mereka; orang itu berkemungkinan sampai ke tempat yang dituju itu terlebih awal, meskipun dia memulakan perjalanan agak lewat. Ini menunjukkan betapa bijaknya dia mengelirukan tanggapan pihak musuh. Membuat tipu helah untuk memperdayakan musuh adalah kaedah yang baik dalam gerakan muslihat. Adalah suatu tindakan yang merbahaya untuk melawan musuh yang mempunyai kekuatan tentera yang jauh lebih baik berbanding dengan kita.

Tentera yang membawa bersama-samanya segala alat kelengkapan pasti sukar untuk mara dengan pantas. Sekiranya mereka tinggalkan alat-alat itu, ia akan menghadapi bahaya kehilangan bekalan. Bila panglima tentera mengarahkan askarnya untuk meninggalkan segala kelengkapan peperangan dan memaksa mereka mara secara terburu-buru untuk ratusan *li* (dengan harapan dapat bertempur dalam kedudukan yang menjanjikan kemenangan). Kekalahan besar termasuk kehilangan tiga panglima utama sedia menanti. Hakikat ini disebabkan hanya mereka yang kuat dapat sampai ke destinasi tepat pada waktunya, sedangkan yang lemah akan ketinggalan di belakang. Apabila askar yang dipaksa itu sudah mara lima puluh *li* semata-mata untuk bertempur, kononnya dalam kedudukan yang menyakinkan panglima pasukan barisan hadapan akan mengalami kekalahan lantaran hanya sebahagian daripada askarnya terlibat dalam pertempuran itu.

Sekiranya askar yang dipaksa itu sudah mara tiga puluh *li* semata-mata untuk bertempur, dalam keadaan yang meyakinkan, kemungkinan besar tidak lebih daripada $\frac{2}{3}$ anggota tenteranya akan tertinggal. Askar yang kehilangan beg galasnya akan mengalami kebinasaan. Begitu juga sekiranya dia telah kehilangan segala bekalan serta tempat simpanannya. Seorang pemerintah negeri tidak sepatutnya mewujudkan hubungan dengan negeri lain tanpa mengetahui niat dan tipu muslihatnya. Peperangan tidak seharusnya diisytiharkan tanpa pengetahuan yang menyeluruh tentang bentuk muka bumi negeri itu, termasuk kawasan gunung-ganang, hutan rimba, paya, tasik, sungai dan sebagainya. Kelebihan semula jadi tidak akan mendatangkan keuntungan sekiranya panduan yang baik tidak dimanfaatkan. Peperangan adalah berasaskan tipu muslihat dan dicetuskan keinginan untuk mengejar keuntungan. Kaedah peperangan sesungguhnya terletak pada daya tumpuan yang berubah-ubah dan pembahagian kuasa.

Kita mesti berdaya untuk bergerak secepat angin bertiup ataupun tegap seteguh hutan belantara; mempunyai kuasa pembinasakan api atau kaku bagaikan gunung; sukar untuk ditembusi, umpama kegelapan atau cergas

bagaikan kilat. Bila, memasuki kawasan pedalaman, semua askar hendaklah tersebar di semua tempat.. Sewaktu hendak menduduki negeri itu, semua askarnya harus berpecah ke pelbagai arah untuk menawan tempat-tempatnya. Kita mesti meneliti dan menimbang segala kemungkinan sebelum memulakan gerakan. Kita mesti terlebih dahulu mengetahui selok-belok bagaimana melakukan tipu muslihat sebelum menaruh harapan untuk mencapai kemenangan. Ini adalah titik penting dalam gerakan muslihat.

8. KETENTERAAN

Dalam satu catatan yang menyentuh hal-ehwal ketenteraan masa silam, ada disebut bila perkataan tidak dapat didengar, gong dan gendang perlu digunakan. Bila mata gagal melihat, isyarat panji-panji atau bendera perlu digunakan. Isyarat gong, gendang, panji dan bendera adalah untuk menarik perhatian askar. Bila semua askar bersatu-padu, tanpa mengira yang berani atau pengecut, mereka akan teguh. Beginilah caranya menjadikan semua askar berpadu tenaga dalam penentangan musuh. Pertempuran pada waktu malam banyak bergantung kepada isyarat bunyi gendang dan nyalaan api. Pertempuran pada siang hari pula bergantung pada isyarat panji dan bendera. Dengan isyarat itu, perhatian askar akan terarah ke semua arah. Keutuhan sebuah ketumbukan tentera mungkin akan kehilangan semangatnya jika panglimanya dilanda kesedihan.

Semangat askar amat berkobar-kobar pada peringkat awalnya. Lambat-laun, ia akan beransur-ansur susut dan lesap. Justeru itu, orang yang mahir dalam soal peperangan akan mengelakkan serangan ke atas musuh tatkala semangat askar musuhnya masih tinggi; sebaliknya menyerang musuhnya sewaktu semangat mereka sudah luntur. Demikianlah caranya untuk berurusan dengan semangat manusia. Kita mesti membandingkan kedudukan kita dengan kedudukan musuh. Inilah caranya untuk berurusan dengan pemikiran manusia serta cabara fizikal yang ditempuhi. Bendera pihak musuh yang sedang berkibaran membayangkan betapa kemas serta teraturnya bentuk organisasi tentera musuh. Ketika tentara musuh menunjukkan kesempurnaan, adalah sia-sia untuk kita melancarkan serangan ke atasnya. Beginilah caranya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berbeza-beza. Di medan perang, kita tidak semestinya mara untuk mendaki bukit untuk menentang musuh, atau menghadapi musuh dengan membelakangi gunung. Kita harus menghindarkan sebarang tindak balas tatkala musuh memulakan serangan. Usah mencabar musuh pada ketika semangat mereka meluap-luap.

Kita tidak sepatutnya diperdayakan oleh tipu muslihat musuh. Musuh yang sedang dalam perjalanan dan berpatah balik itu juga tidak seharusnya diserang hendap. Jalan keluar harus disediakan untuk tentara musuh ketika melakukan pengepungan. Musuh yang sudah mengalami kekalahan pula tidak seharusnya ditekan secara keterlaluan sehinggakan menjadi kecoh. Demikianlah caranya mengendalikan pertempuran di medan peperangan.

9. KEPELBAGAIAN

Dalam mengendalikan peperangan, panglima yang sudah menerima arahan daripada pihak pemerintah akan mengumpulkan tenteranya dan membentuk tenteranya:

1. Panglima itu janganlah menempatkan angkatan tenteranya di kawasan tanah yang rendah.
2. Panglima itu mesti bersikap diplomasi bila jalan besar antara dua buah negeri bertemu.
3. Panglima itu jangan menempatkan pasukan tenteranya di tempat yang terpencil.
4. Panglima itu sewajarnya beralih kepada tipu muslihat bila menyedari gerak-geri pasukannya sudah terkepung atau diawasi musuh.
5. Panglima itu mesti mencari jalan keluar bila berada di tempat yang keselamatannya tidak terjamin.
6. Ada jalan tertentu yang sewajarnya diikuti.
7. Ada kekuatan musuh tertentu yang tidak sewajarnya diserang.
8. Ada bandar tertentu yang tidak sewajarnya dikepung.
9. Ada kedudukan musuh yang tertentu yang tidak sewajarnya dicabar.
10. Ada arahan tertentu daripada pihak pemerintah yang tidak sewajarnya dipatuhi.

Panglima yang memahami kelebihan mempelbagaikan taktik itu bijak dalam seni peperangan. Sebaliknya, panglima yang tidak memahami faedah pelbagaian taktik itu akan gagal memanfaatkan kelebihan semula jadi, meskipun dia sudah biasa dengan bentuk muka bumi tempat itu. Panglima yang tidak mengetahui seni pelbagaian taktik tidak akan beroleh manfaat daripada kekuatan sebenar daripada anak buahnya, meskipun dia sudah sehati dengan kelebihan mempelbagaikan taktik. Dalam membuat pertimbangan yang bijak, harus dititikberatkan faktor yang memuaskan dan kurang memuaskan. Faktor yang memuaskan termasuk bagaimana meneruskan usaha ke arah pencapaian matlamat, manakala faktor yang kurang memuaskan itu menggambarkan rancangan individu untuk membebaskan diri dari sebarang kesulitan. Negeri musuh boleh dilemahkan dengan melakukan pembinasaaan, mencetuskan keresahan, mewujudkan suasana kelam-kabut atau memperdayakan mereka dengan keuntungan segera (kemenangan). Di medan perang, panglima tidak semestinya bergantung pada kegagalan musuhnya untuk muncul. Sebaliknya dia boleh melakukan penghitungan untuk bertemu mereka dengan berjaya. Dia tidak seharusnya bergantung pada kegagalan musuhnya untuk tampil; sebaliknya berikhtiar mempertahankan kedudukannya. Panglima itu berkemungkinan ditewaskan melalui lima cara:

1. Dia senang dibunuh bila bertindak terburu-buru.
2. Dia senang ditawan bila takut mati.

3. Dia senang diajak bertempur bila berada di puncak kemarahan.
4. Dia senang dimaki hamun atau dihina bila teramat peka dengan maruah dan penghormatan diri.
5. Dia senang diserang hendap bila sentiasa cemas dan risau tentang kedudukan pasukannya.

Itulah lima kelemahan yang lazim yang berpotensi menjatuhkan panglima atau terbukti adalah bencana di medan perang. Lazimnya, lima kelemahan ini yang menjadi punca angkatan tenteranya mengalami kekalahan atau panglima itu kehilangan nyawanya. Tegasnya, kelima-lima faktor itu perlu difahami dengan baik.

10. PENERAHAN

Selanjutnya kita akan menyentuh perkhemahan pasukan tentera dan soal melakukan pemerhatian ke atas tentera musuh. Panglima sewajarnya menghindarkan kawasan pergunungan; sebaliknya berikhtiar menghampiri kawasan lembah. Kawasan tanah tinggi sesuai untuk perkhemahan, tetapi pertempuran di puncak bukit haruslah dilakukan. Ini berkaitan hal ehwal peperangan di kawasan pergunungan. Setelah menyeberangi sungai dengan selamat, sungai itu mestilah dijauhi dengan jarak tertentu. Ketika kenaikan musuh sedang menuju ke arah petempatannya, panglima itu tidak seharusnya menghadang kemaraan musuhnya di tengah-tengah sungai. Adalah lebih menguntungkan dilancarkan serangan ketika musuh itu hampir mendarat. Bila sudah bersedia untuk mengajak musuhnya bertempur, kita tidak seharusnya dilihat musuh sedang menanti di tebing sungai. Dia sewajarnya mendirikan khemah di tempat yang tinggi, bukannya bertempur di hulu sungai. Ini adalah berkaitan dengan hal ehwal peperangan di kawasan sungai.

Bila menyerang kawasan paya, kita mesti bergerak secepat mungkin. Sekiranya terpaksa bertempur di tengah-tengah paya, kita sebaik-baiknya berbuat demikian dengan belakang kita menghadap rumpunan pohon paya yang tinggi. Ini adalah berkaitan dengan hal ehwal peperangan di kawasan tanah daratan jenis berpaya. Di negeri yang bertanah lapang, perkhemahan hendaklah didirikan di kawasan tanah tinggi, dengan bahagian kanan dan belakang badan dilindungi sedikit ketinggian. Dengan itu, hanya bahagian depan kita terdedah kepada serangan, manakala bahagian belakang kita adalah selamat untuk pengunduran. Ini adalah berkaitan dengan hal ehwal peperangan di kawasan tanah lapang. Memandangkan Maharaja Huang pandai betul dengan keempat-empat corak peperangan itu, beliau tidak menghadapi kesukaran menumbangkan pemerintah zaman feodal yang lain

Semua pasukan tentera pasti suka kawasan bertanah tinggi, berbanding kawasan bertanah rendah dan kawasan lapang berbanding kawasan teduh.

Sekiranya kita mengambil berat makanan harian dan keselesaan tempat tinggal orang bawahan, kesihatan pasukan tentera itu terjamin daripada dijangkiti penyakit. Hakikat ini pastinya menjanjikan kemenangan. Bila perkhemahan perlu didirikan di kawasan berbukit, kita mesti berusaha menduduki bahagian yang terang dengan belakang badan kita menghadap tempat itu. Ini menunjukkan bagaimana kelebihan semula jadi dapat dimanfaatkan. Bila keadaan menuntut kita mengharungi anak sungai sewaktu hujan sedang turun mencurah-curah, kita seelok-eloknya menunggu sehingga hujan reda atau air sudah mulai surut. Bila sampai ke tempat yang bertebing tinggi lagi curam, gua yang besar lagi dalam, hutan rimba yang tebal, paya yang luas atau jurang air batu yang cukup membahayakan, kita mesti meninggalkannya dengan segera, tanpa memikirkan bagaimana untuk menghampirinya. Kita mesti menjauhkan diri dari tempat itu, tetapi mengusir musuh ke arah tempat itu. Kita mesti berdepan dengan tempat seperti itu, tetapi membiarkan tempat itu membelakangi musuh. Bila musuh memasuki laluan yang membahayakan, kolam yang ditumbuhi pohonan tinggi, semak samun atau belukar tebal, suatu penggeledahan yang rapi dan berhati-hati perlu dilakukan. Ini mungkin disebabkan tempat seperti itu berkemungkinan menjadi kubu atau tempat persembunyian musuh.

Bila musuh dihampiri dan mereka kelihatan tidak gentar, ini menunjukkan mereka yakin dengan segala perlindungan yang dimiliki. Bila musuh datang untuk mencabar dari jauh, ini menunjukkan mereka beria-ia menanti kehadiran pihak yang satu lagi. Bila musuh menduduki tempat yang mudah dimasuki, ini menunjukkan mereka sedang memasang jerat. Bila ada pergerakan di dalam hutan, ini menunjukkan musuh sedang menghampirinya. Bila rumput tebal kelihatan bertaburan di merata-rata tempat, ini menunjukkan musuh sedang merancang muslihatnya. Bila burung terbang dengan tiba-tiba, ini menunjukkan musuh sudah bersedia untuk melakukan serangan hendap. Bila binatang kelihatan kelam kabut atau cemas di tempat pemburuan, ini menunjukkan musuh akan membuat serangan mengejut. Bila tompokan debu bersebaran ke kawasan yang luas, ini menunjukkan adanya kenaikan kuda musuh. Bila tompokan debu bersebaran sedikit-sedikit merentasi kawasan yang luas, ini menunjukkan kemaraan askar berjalan kaki. Bila tompokan debu kelihatan bertaburan atau berselerakan di merata-rata tempat, ini menunjukkan tentera musuh sedang mencari kayu api. Bila tompokan debu sedikit dan sedang berterbangan, ini menunjukkan musuh sedang berkhemah. Bila pertuturan utusan musuh itu menampakkan petanda dan pada masa yang sama segala persiapan sedang diatur, ini menunjukkan musuh akan mara ke depan. Bila pertuturan utusan musuh itu sombong dan mengada-ngada dan pada masa yang sama, gerak geri mereka kelihatan gopoh-gapah dan terburu-buru, ini menunjukkan musuh akan mengundurkan diri. Bila kenaikan kereta kuda ringan kelihatan lalu di sepanjang bahu jalan, ini menunjukkan musuh sudah bersiap sedia untuk menghadapi pertempuran. Bila musuh dengan tidak semena-mena ingin berdamai, ini menunjukkan satu plot jahat sedang dirancang. Bila kedengaran bunyi bisung

yang luar biasa di tempat perkhemahan musuh, ini menunjukkan masa bagi pertempuran telah tiba. Bila musuh kelihatan serba salah, antara ingin mara dan berundur, ini menunjukkan suatu muslihat sedang diatur. Bila askar musuh kelihatan bersandar di sebelah senjata mereka, ini menunjukkan mereka telah kekurangan bekalan makanan. Bila pengangkat air kelihatan bergelut untuk menghilangkan dahaga orang lain, ini menunjukkan musuh telah kekurangan air. Bila musuh enggan memanfaatkan kelebihan yang memihak kepada mereka, ini menunjukkan mereka sedang keletihan.

Bila burung sentiasa kelihatan, ini menunjukkan tempat itu telah ditinggalkan. Bila kedengaran suara tangisan sebelah malam, ini menunjukkan musuh sedang dalam ketakutan. Bila pertelingkahan kerap berlaku di kalangan askar tanpa mengira kedudukan dan pangkat, ini menunjukkan ketiadaan autoriti yang mantap. Bila bendera dan panji kelihatan dialih-alihkan, ini menunjukkan kelonggaran penguatkuasaan pemerintah. Bila pegawai atasan tentera musuh naik marah ke atas orang bawahannya, ini menunjukkan mereka telah bosan dengan peperangan. Bila kuda sudah diberi biji-bijian untuk dimakan, manakala manusia dijamu dengan makanan yang lazat (daging), periuk-periuk masakan berpecahan dan askar itu tidak mahu pulang ke tempat tinggal mereka, ini menunjukkan musuh benar-benar ingin meneruskan perjuangan. Bila musuh kelihatan berbisik dan bersungut sesama sendiri, ini menunjukkan rasa tidak puas hati wujud di kalangan mereka. Bila pegawai pemerintah terdesak untuk menghadiahkan ganjaran, ini menunjukkan tentera itu sudah hampir kehabisan sumber. Bila pegawai pemerintah terdesak untuk kerap melaksanakan hukuman, ini menunjukkan tentera itu sedang bergelut dengan masalah besar. Bila pegawai pemerintah terdesak untuk menyelang-selikan peranan sebagai orang jahat dan pengecut ke atas anak buahnya, ini menunjukkan kelonggaran disiplin dan tatatertib di kalangan musuh. Bila musuh menghantar utusan dengan puji-pujian yang berlebihan, ini menunjukkan hasrat mereka ingin berdamai. Bila musuh kelihatan masih marah, tetapi berdiam diri untuk satu tempoh yang panjang tanpa menyertai peperangan ataupun berundur, ini menunjukkan sikap berhati-hati dan berjaga-jaga perlu dipraktikkan.

Kekuatan ketumbukan tentera tidak bergantung semata-mata pada jumlah anggotanya. Kemaraan mereka tidak terletak semata-mata atas keberanian. Petua kejayaan terletak pada kebijaksanaan menggembelengkan tenaga semua askar, selain meramalkan dengan tepat tindak-tanduk musuh. Orang yang gagal merancang ke hadapan, selain memandang ringan keupayaan musuh pasti akan mengalami kekalahan. Bila askar dihukum sebelum mereka berpeluang merasai hubungan mesra dengan pegawai atasan, maka mereka tidak akan akur kepada perintah dengan sepenuh hati, serta tidak boleh dipercayai. Sebaliknya, jika dia menyedari pegawai atasannya mengambil berat tentang dirinya, tetapi dia tetap melanggar disiplin dan tatatertib pasukan, ini menunjukkan mereka masih tidak boleh dipercayai. Bila ketumbukan tentera itu tahan diuji dengan perlakuan awam dan juga tatatertib ketenteraan, mereka pasti sukar untuk ditewaskan.

Bila tatatertib tidak kerap dikuatkuasakan ke atas semua askar, mereka tidak akan mematuhi perintah atau sebarang arahan lain dengan sepenuh hati. Bila orang itu telah berpengalaman mengawal tingkah-laku dan keyakinan anak buahnya, dia tidak sukar mendapatkan kerjasama daripada pasukannya.

11. RUPA BUMI KAWASAN/TEMPAT

Mana-mana negeri boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian:

1. Kawasan yang senang dimasuki
2. Kawasan yang merumitkan
3. Kawasan tidak baik
4. Kawasan yang terhimpit
5. Kawasan yang bertebing tinggi lagi curam
6. Kawasan yang mempunyai tekanan dalaman

Kawasan yang senang dimasuki juga mudah bagi kedua-dua pihak keluar masuk. Dalam keadaan sebegini, pihak yang lebih dahulu menduduki tempat tinggi yang disinari cahaya matahari yang terang-benderang, ataupun mengawal laluan bekalan dengan berkesan, akan mempunyai kelebihan yang menguntungkan. Di kawasan rumit, keluar adalah lebih senang daripada memasukinya semula. Di kawasan seperti ini, musuh senang ditawan seandainya mereka berada dalam keadaan tidak bersiap sedia. Sebaliknya, jika musuh sudah bersedia, mereka tidak dapat ditewaskan dalam percubaan kali pertama, adalah amat sukar dan barangkali mala petaka untuk memasukinya semula. Kawasan yang tidak baik itu tidak bermanfaat kepada kedua-dua pihak melancarkan gerakan awal. Di kawasan sebegini, kita jangan terperdaya dengan sebarang tipu muslihat musuh, sebaliknya berpura-pura berundur dan hanya menyerang tatkala musuh sudah meninggalkan kedudukan mereka. Kemenangan boleh dicapai melalui cara ini. Di kawasan yang terhimpit, kita mesti berusaha untuk menjadi orang yang pertama menduduki laluan-laluan sempit selain memastikan kawalan rapi disediakan untuk menghadapi kemaraan musuh. Sebaliknya, jika pihak musuh sudah terlebih dahulu menduduki kawasan ini, serangan ke atas mereka bergantung pada kekuatan kawalan dan pertahanan mereka. Di kawasan yang bertebing tinggi lagi curam, kita mesti berusaha untuk menduduki tempat yang terang untuk menunggu ketibaan musuh. Sekiranya musuh sudah terlebih dahulu menduduki tempat ini, janganlah diekori musuh; sebaliknya mereka harus diperdayakan untuk meninggalkan kedudukan itu. Di kawasan yang mempunyai tekanan dalaman, peluang kedua-dua pihak adalah sama. Memang agak sukar dan tidak memanfaatkan bagi kedua-dua pihak mencabar satu sama lain.

Prinsip-prinsip di atas yang menyentuh enam jenis kawasan dan tanggungjawab panglima patut difahami dengan sebaik-baiknya. Ketumbukan

tentera mungkin akan menderita daripada perkara berikut: melarikan diri kerana tewas, menentang arahan ketua, kejatuhan, pembinasaan, ketidakteraturan dan pengusiran. Keenam-enam mala petaka itu bukanlah yang bersifat semula jadi, sebaliknya berpunca daripada kelalaian panglimanya. Dengan mengandaikan peluang yang sama bagi kedua-dua pihak, tetapi musuh memiliki kelebihan menggunakan tenteranya yang kuat dan untuk menentang pasukan yang tidak lagi bersatu, maka melarikan diri akibat ketewasan akan terjadi. Bila orang bawahan sudah lebih berpengaruh dan kuat daripada pegawai atasan, maka penentangan arahan ketua akan terjadi. Bila orang bawahan itu lemah manakala pegawai atasannya kuat, ia akan mengakibatkan kejatuhan. Bila pegawai yang kurang senang hati dengan keadaan di sekelilingnya itu mengingkari perintah dan tanpa izin pihak atasannya mencabar musuh, ini akan mengakibatkan kebinasaan. Bila jeneral itu lemah dan mengabaikan tanggungjawabnya, bila perintah yang diberi tidak jelas, bila tanggungjawab pegawai dan anggota pasukannya tidak dilaksanakan dengan baik, bila segala-galanya tidak dijalankan seperti yang sepatutnya, ini akan mengakibatkan ketidakteraturan dalam pentadbiran. Bila panglima itu tidak mempunyai pengetahuan yang cukup terperinci tentang musuh, menggunakan pasukan yang kecil untuk menghadapi pasukan yang besar, mempertandingkan kelemahannya menentang kekuatan, serta tidak memiliki barisan hadapan yang kental, maka kemungkinan besar pasukannya akan ditimpa pengusiran.

Prinsip yang menyentuh perihal berlakunya ketewasan dan kewajipan-kewajipan agung panglima tentera seharusnya difahami dengan betul. Kedudukan baik satu-satu kawasan itu kadang kala boleh membawa kejayaan dalam peperangan. Tetapi ujian sebenar kepanglimaannya seorang pemimpin itu boleh diukur daripada kewibawaannya menganggarkan dan mengawal kekuatan musuh: menghitung kesukaran-kesukaran yang bakal ditempuhi dan bahaya-bahaya yang patut diatasi. Panglima itu patut berperang bila berkeyakinan kejayaan akan berpihak kepadanya meskipun pemerintah menyarankan agar jangan bertempur. Sebaliknya, panglima itu tidak digalakkan bertempur apabila diyakininya bahawa kejayaan adalah nyata, meskipun pihak pemerintah mengarahkannya untuk meneruskan perjuangan. Panglima yang tidak pernah mengingini sanjungan setiap kali mengetuai kemaraan pasukannya; yang tidak menghiraukan keaiban diri setiap kali memerintahkan pengunduran tetapi sentiasa bertindak demi kebajikan orang-orang bawahannya dan demi memelihara kedaulatan pemerintah negerinya – demikianlah ciri seorang panglima unggul yang diibaratkan sebagai permata kerajaannya.

Bila panglima melayan orang bawahannya seperti anak kecil sendiri, mereka akan bersedia mematuhi semua perintahnya, biarpun dalam keadaan bahaya. Bila panglima melayan orang bawahannya bagaikan anak kandung, mereka akan sentiasa menyokongnya sehingga ke titisan darah yang terakhir. Bila panglima itu terlalu berlembut dan tidak tahu menggunakan kuasa yang dimilikinya; bila si panglima terlalu risau dan ambil peduli, serta tidak tahu

memastikan segala perintahnya dituruti, maka keadaan sedemikian akan membuat askarnya ibarat anak kurang ajar yang sentiasa melanggar nasihat. Bila panglima itu sekadar meramalkan secara tepat kekuatan pasukannya, tetapi tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang musuhnya, maka dia hanya mempunyai separuh peluang untuk mencapai kejayaan. Bila panglima itu berjaya meramalkan secara tepat kekuatan kedua-dua pasukan musuh dan pasukannya sendiri, tetapi tidak mengetahui kekurangan-kekurangan kawasan yang didudukinya, dia juga mempunyai separuh peluang untuk mencapai kejayaan. Orang yang mahir dalam selok-belok peperangan sebaik sahaja telah memulakan tindakan tidak sesekali akan gentar biarpun dalam keadaan segmenting mana sekalipun. Justeru itu dapatlah dinyatakan orang yang mempunyai pengetahuan terperinci tentang kedudukan musuh dan juga pasukannya sendiri itu sudah terjamin kemenangannya. Orang yang mempunyai pengetahuan menyeluruh tentang bumi dan syurga, kejayaan menjadi nyata.

12. PELBAGAI KEADAAN

Dalam pelaksanaan perang, sembilan keadaan yang berbeza boleh ditemui:

1. Keadaan bantah-membantah
2. Keadaan mudah
3. Keadaan genting
4. Keadaan 'terbuka'
5. Keadaan perintah
6. Keadaan bahaya
7. Keadaan yang menakutkan
8. Keadaan terkepung
9. Keadaan kecoh

Bila pemerintah itu sedang berjuang dalam lingkungan wilayah tadbirnya sendiri, baginda dikatakan berperang dalam keadaan bantah-membantah. Bila baginda telah melanjutkan pertempuran itu ke wilayah jirannya, tetapi masih belum pergi jauh, baginda dikatakan berperang dalam keadaan mudah. Bila baginda sedang berjuang untuk menduduki kedudukan yang ternyata akan memanfaatkan kedua-dua belah, baginda dikatakan sedang berperang dalam keadaan genting. Bila baginda bertempur di tempat yang senang dilalui kedua-dua belah, baginda dikatakan sedang berperang dalam keadaan 'terbuka'. Bila baginda sedang berperang di negeri yang menjadi pusat pengaruh bagi beberapa buah negeri lain, yang sesesungguhnya, merintis jalan kepada penguasaan seluruh empayar kelak, maka baginda dikatakan sedang berperang dalam keadaan perintah. Bila baginda telah membawa pertempuran itu ke tengah-tengah negeri yang bermusuhan dengan meninggalkan banyak kota-kota berkubu di belakang, baginda dikatakan sedang berperang dalam keadaan

bahaya. Bila baginda bertempur dalam hutan di pergunungan, laluan yang bahaya, kawasan paya, tanah lumpur atau kawasan pedalaman yang mempunyai bentuk rupa bumi yang sukar, baginda dikatakan sedang berperang dalam keadaan menakutkan. Bila baginda bertempur di negeri yang hanya boleh dihubungi lorong sempit lagi berbengkang-bengkok serta dengan mudah dikawal pasukan kecil, baginda dikatakan sedang berperang dalam keadaan terkepung. Bila baginda sampai ke peringkat dengan peluang tunggal untuk menyelamatkan diri bergantung kepada pertempuran bercorak pantas dan sengit, baginda dikatakan sedang berperang dalam keadaan kecoh.

1. Dalam keadaan 'bantah-membantah', pertempuran haruslah dielakkan.
2. Dalam keadaan mudah, kemaraan haruslah diteruskan.
3. Dalam keadaan genting, pengepungan tidak harus dilakukan.
4. Dalam keadaan terbuka, percubaan untuk menghadang musuh haruslah dihindarkan.
5. Dalam keadaan perintah, diplomasi memainkan peranan utama.
6. Dalam keadaan bahaya, musuh haruslah diekori dan dikesan.
7. Dalam keadaan menakutkan, sesebuah tempat itu harus ditinggalkan dengan segera.
8. Dalam keadaan terkepung, tipu muslihat mestilah dirancang.
9. Dalam keadaan kecoh, pertempuran yang hebat mesti dilancarkan.

Golongan yang cekap dalam peperangan boleh menghalang musuh daripada menjejaskan kesatuan, kordinasi, kerjasama, kekuatan dan penampilan dan dalam pasukan pejuang. Bila askar musuh sudah berselerakan, mereka harus dihalang daripada bersatu semula. Sekiranya mereka berjaya bersatu semula, usaha mengucar-kacirkan kedudukan mereka perlu dijalankan. Tindakan untuk mara ke depan wajar diteruskan hanya bila keadaan mengizinkan. Seandainya tidak, tindakan mendiamkan diri di tempat asal adalah lebih baik. Jika ada orang bertanya, "Apa yang sepatutnya dilakukan kita bila bersua dengan angkatan tentera musuh yang besar lagi tersusun mara untuk menakluki wilayahnya?" Saya menjawab, "Mula-mula sekali rampas suatu hak milik yang amat dihargai pihak musuh dan mereka pasti akan akur pada sebarang bentuk perintah".

Dalam pelaksanaan perang, kecekapan dan kepantasan amat mustahak. Kita mesti bertindak lebih pantas daripada musuh, muncul dengan tiba-tiba dari laluan yang tidak pernah diduga dan terus menyerang bila musuh masih dalam keadaan belum bersedia. Bila pertempuran sedang meletus di negeri musuh, pemerhatian berikut ada kebenarannya:

1. Semakin jauh angkatan penyerang memasuki satu kawasan, mereka akan semakin bersatu sehinggakan semakin payah pertahanan dilakukan untuk membendung kemaraan mereka.
2. Sekiranya rampasan dilakukan secara berkesan ke atas negeri yang subur, nescaya keseluruhan anggota pasukannya akan memperoleh bekalan makanan yang cukup.

3. Sekiranya askar mendapat bekalan makanan yang lazat dan berkhasiat serta tidak pernah membuang tenaga, mereka pasti dapat menunaikan tanggungjawab perjuangan dengan semangat waja sehingga ke tahap yang memeranjatkan pihak musuh.
4. Sekiranya ketumbukan tentera itu berada dalam kedudukan yang terkepung tanpa jalan keluar, mereka akan memilih untuk berjuang habis-habisan.
5. Sekiranya ketumbukan tentera berada dalam kedudukan sukar jalan keluarnya tanpa menanggung risiko kematian, pegawai dan tentera itu dikehendaki berjuang habis-habisan.
6. Bila ketumbukan tentera betul-betul dalam keadaan kecoh, mereka akan kehilangan perasaan takut.
7. Bila askar menyedari wujudnya keadaan yang tidak dapat dielakkan, mereka akan bersendirian teguh.
8. Bila ketumbukan tentera telah memasuki jauh ke dalam negeri musuh, askarnya akan bersikap degil.
9. Bila askar menyedari tiada titik henti lagi, mereka akan berjuang bersungguh-sungguh.

Di bawah ciri-ciri yang sedemikian rupa, askar akan sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga, berkesanggupan, setia dan tetap boleh dipercayai biarpun tanpa pengawasan yang rapi daripada pegawai pemerintah. Mereka bebas daripada sebarang bentuk ketakutan yang berpunca daripada kepercayaan tahyul dan tidak sesekali akan menyeleweng daripada tanggungjawab biarpun sampai ke titisan darah yang terakhir. Mereka enggan mengumpulkan harta kekayaan persendirian bukan kerana mereka bencikan kekayaan. Mereka tidak gentar akan kehilangan nyawa bukan kerana mereka bencikan usia panjang. Tatkala menerima perintah untuk bertempur, para anggota pasukan mungkin akan meratap menagih simpati, namun sebaik sahaja mereka mendapati diri masing-masing dalam keadaan mencemaskan, mereka akan memperlihatkan semangat kental yang dapat menandingi Juan Jud dan Tsaur Guay. Mereka yang mahir dalam peperangan akan bertindak pantas dengan kordinasi yang setanding dengan gerak geri sejenis ular yang boleh ditemui di Gunung Charng. Bila kita pukul kepala ular itu, ia akan bertindak balas dengan ekornya. Bila ekornya dipukul pula, ia akan menyerang dengan kepalanya dan sekiranya ular itu dipukul di tengah-tengah badannya, ia akan menyerang dengan kepala dan ekornya serentak.

Sekiranya ada orang bertanya, ‘Adakah ketumbukan tentera itu boleh bertindak pantas dan secepat itu?’. Jawapannya adalah tidak mustahil ia dapat berbuat demikian. Misalnya rakyat Negeri Wu dan Negeri Yuen yang sudah sekian lama bermusuhan. Andaikan sebilangan mereka mendapati kapal yang dinaiki terkandas dalam ribut kencang di tengah-tengah laut, mereka pasti bekerjasama untuk menyelamatkan nyawa masing-masing, ibarat tangan kanan

dan kiri yang bergandingan antara satu sama lain. Sebaliknya jika tidak ditimpa bala yang sama, mereka tidak akan saling mempercayai antara satu sama lain, meskipun masing-masing tidak putus-putus menyatakan hasrat untuk berdamai dengan menamatkan kuda-kuda perang serta menanam roda-roda kereta kuda mereka. Untuk memastikan askar dalam tentera bersatu-padu dalam segala tindak tanduk, penguatkuasaan disiplin yang ketat adalah wajar. Untuk memastikan askar dalam tentera beroleh kelebihan dalam segala keadaan, nescaya bergantung kepada penyesuaian diri dengan bentuk muka bumi sesebuah kawasan. Orang yang mahir dalam selok belok peperangan boleh memupuk sikap akur kepada perintah di kalangan anggota pasukannya, seolah-olah dia sedang memimpin orangnya dengan tangannya sendiri. Adalah kewajipan seorang panglima untuk bersikap tenang dan pandai mengarah, jujur dan tegas. Dia mesti memastikan askarnya kekal jahil tentang perancangannya dengan tidak memperlihatkan perkara yang sebenarnya. Dia mesti sentiasa mengubah-ubah langkah dan laluan agar gerak-gerinya tidak mudah diketahui. Masa untuk peperangan juga mesti ditetapkan dengan tiba-tiba seolah-olah dengan tidak sengaja tertendang tangga yang dinaiki. Hanya bila keseluruhan tenteranya sudah menembusi jauh ke dalam wilayah musuhnya, barulah panglima itu mendedahkan rancangannya. Bila dia mengambil keputusan untuk membakar kapal atau memecahkan segala alat kelengkapan memasak yang ditinggalkan, dia seharusnya berbuat demikian seperti seseorang gembala memaksa kambingnya berlari lintang pukang tanpa arah tujuan.

Adalah menjadi kewajipan panglima itu untuk memimpin tenteranya menghadapi segala bahaya dan memenangi pertempuran biarpun terpaksa menempuh pelbagai bahaya. Dia mesti memahami dengan terperinci setiap pertimbangan tatkala berhadapan dengan setiap satu daripada sembilan keadaan yang disebut tadi, selain menentukan taktik yang bersesuaian dan pelbagai faktor lain yang menyentuh tabii manusia. Bila wilayah musuh sudah jauh ditembusi, maka semakin utuh kesatuan dan semangat juang pihak penyerang itu. Sebaliknya, jika kemaraan pihak penyerang itu disekat sejak awal-awal lagi, kemungkinan besar askarnya akan bertelingkah antara satu sama lain. Bila ketumbukan tentera itu sedang bertempur di daerah perbatasan musuh, mereka dianggap sedang berada dalam keadaan kecoh. Bila mereka telah menguasai kedudukan yang menghubungi negeri yang berjiranan, mereka dianggap sedang berada dalam keadaan perintah. Bila mereka telah menembusi jauh ke dalam negeri musuh, mereka dianggap sedang berada dalam keadaan bahaya. Bila mereka hanya separuh jalan menembusi negeri musuh, mereka dianggap sedang berada dalam keadaan mudah. Bila pasukan itu ditempatkan di antara kota yang berkalbu dengan laluan-laluan yang sempit, mereka dianggap sedang berada dalam keadaan terkepung. Bila mereka mendapati diri masing-masing terputus daripada segala jalan keluar, mereka mestilah dianggap sedang berada dalam keadaan kecoh.

Dalam keadaan bantah-membantah, kita mesti membangkitkan semangat bersatu padu segenap lapisan anggota pasukan demi perjuangan mereka. Dalam keadaan mudah, kita mesti mewujudkan hubungan erat di kalangan anggota pasukan. Dalam keadaan genting, kita mesti menyerah semua anggota pasukan yang tertinggal di belakang. Dalam keadaan terbuka, kita mesti berusaha keras untuk mengukuhkan benteng pertahanan. Dalam keadaan perintah, kita mesti berusaha sedaya upaya untuk mengukuhkan ikatan hubungan dengan sekutu-sekutunya. Dalam keadaan bahaya, kita mesti berusaha melindungi laluan-laluan bekalan. Dalam keadaan menakutkan, kita mesti berikhtiar untuk mara ke hadapan secepat mungkin. Dalam keadaan terkepung, kita mesti menutup jalan yang diambil musuh untuk berundur. Dalam keadaan kecoh, kita mesti menunjukkan kesungguhan dan kesanggupan menghadapi maut.

Adalah benar bahawa anggota tentera akan bertahan bila diserang; bila mereka ditekan, mereka akan berjuang habis-habisan dan sekiranya mereka berada dalam kekecohan, mereka akan bertindak dalam apa jua cara. Kita jangan membentuk sebarang peringatan dengan mana-mana pemerintah negeri lain sebelum diri kita betul-betul mengetahui corak pentadbirannya. Kita jangan melancarkan peperangan bila diri kita tidak biasa dengan bentuk muka bumi negeri itu seperti gunung-ganangnya, laluan-laluan, kawasan paya, tasik, sungai dan sebagainya. Kita tidak mungkin beroleh manfaat daripada kelebihan alam semula jadi melainkan kita mempunyai panduan yang berguna. Gagal untuk memahami mana-mana prinsip itu tidak memungkinkan kita untuk memperluaskan bidang kuasa dan pengaruhnya ke atas negeri lain. Orang yang berjaya memperoleh kuasa dan pengaruh tertinggi untuk negerinya mestilah berkeupayaan bertindak seperti berikut:

1. Untuk bertempur dengan sebuah negeri yang mempunyai angkatan yang besar dan kuat, kita mesti mempunyai kebijaksanaan menghindarkan musuh daripada menggabungkan seluruh kekuatan ke atasnya.
2. Sebaliknya, jika kekuatan kedua-dua buah negeri itu setaraf, panglima yang bijak mesti menghindarkan pasukan musuh daripada bergabung kekuatan dengan sekutu-sekutunya.

Kita mesti menghindarkan diri daripada menandingi keupayaan atau kekuatan beberapa buah negeri yang bergabung, mahupun mengizinkan sebuah negeri tunggal menjadi teramat berkuasa dalam sesebuah empayar. Kita mesti berusaha memenangi keyakinan golongan yang sanggup berkhidmat kepada kita sementara mencetuskan perasaan gentar menghadapinya dalam fikiran pihak musuh. Sehubungan ini, dapat ditawannya bandar mahupun menggulingkan kekuatan musuhnya. Memandangkan panglima yang bijak tidak pernah mendedahkan butiran perancangannya, bila ganjaran atau perintah akan diberikannya, maka segala perintahnya akan dituruti askarnya. Dia hanya memerintahkan anggotanya melakukan perkara tertentu, tanpa membongkar

segala perancangannya. Dia hanya menunjukkan kepada mereka cara untuk mencapai matlamat, tanpa mendedahkan bahaya yang menanti di hadapan. Bila ketumbukan tentera mendapati diri berada dalam bahaya, mereka pasti akan berjuang habis-habisan demi keselamatan mereka. Bila diugut dengan kematian, mereka akan bertempur bersungguh-sungguh. Hanya bila berhadapan dengan bahaya, askar itu akan mengubah kekalahan menjadi kemenangan.

Dalam pelaksanaan perang, kita mesti menduga dan meramal dengan tepat segala rancangan musuh. Bila ketumbukan tentera itu berupaya menggabungkan kekuatan semua askarnya, betapa jauh sekalipun kedudukan musuh, mereka pasti dapat ditumbangkan. Rahsia kejayaan terletak pada penggunaan tipu muslihat secara berkesan. Bila rancangan untuk melancarkan perang sudah diatur dan dipertimbangkan dengan teliti, ketumbukan tentera itu selok-eloknya dihindari daripada mempunyai apa jua hubungan dengan pihak luar. Ini memastikan mereka tidak membongkar sebarang maklumat kepada perisik musuh. Untuk memastikan maklumat berhubung dengan perancangan perang kekal sulit dan dapat dilaksanakan dengan jayanya, berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjamin ketidkebocorannya adalah mustahak. Bila kedapatan peluang untuk mempelajari rahsia tentang kedudukan musuh, peluang itu mesti dimanfaatkan dengan segera. Kita mesti cukup bijak untuk menawan atau merampas terlebih dahulu suatu yang paling berharga kepada pihak musuh. Kita juga tidak seharusnya terikat kepada peraturan yang sedia ada atau sudah ditetapkan, sebaliknya mempelbagaikan rancangan, tertakluk kepada keperluan musuh. Namun, matlamat tunggal semestinya adalah kejayaan yang cukup cemerlang dan bermakna. Pada tahap awalnya, kita mungkin bersifat malu-malu, ibarat seorang anak dara mengajak musuh ke medan perang. Tetapi sesudah itu, kita mesti bertindak pantas ibarat seekor arnab yang sedang melarikan diri bila ingin memerangkap musuhnya yang belum membuat sebarang persediaan.

13. PERIHAL PEMBAKARAN (PEMBAKARAN / PENGEBOMAN)

Dalam pelaksanaan perang, pembakaran dapat dibahagikan kepada lima bentuk:

1. Membakar orang
2. Membakar gudang bekalan
3. Membakar beg pakaian
4. Membakar gudang senjata
5. Membakar laluan bekalan

Bagi menjalankan pembakaran, pertolongan manusia dan cuaca adalah diperlukan selain beberapa bahan lain untuk menyalakan api. Ada musim-musim tertentu untuk melancarkan serangan dengan pembakaran, dan ada hari-hari tertentu bila api yang besar mudah dinyalakan. Musim yang paling sesuai untuk

menjalankan pembakaran ialah ketika cuaca panas dan kering. Hari yang terbaik ialah ketika angin kencang bertiup disebabkan oleh empat kedudukan bulan. Untuk memanfaatkan lima kaedah pembakaran tadi, perkara-perakara berikut mesti dipatuhi:

1. Sebaik sahaja api dinyalakan ke atas khemah musuh, serangan dari luar harus juga dilancarkan.
2. Bila api masih gagal untuk memeranjatkan dan mengelirukan musuh, serangan ke atas musuh harus dihentikan dengan segera.
3. Bila api telah padam, kita mesti menggunakan kebijaksanaan sama ada hendak meneruskan serangan ke atas pihak musuh atau sebaliknya.

Jika didapati keadaan mengizinkan untuk menyalakan api dari luar, kita tidak perlu lagi menanti kesempatan untuk menyalakan api dari dalam khemah musuh. Perkara yang penting adalah api itu harus dinyalakan pada masa yang sesuai. Bila menyerang musuh dengan kaedah pembakaran, kita tidak digalakkan mara bertentangan arah tiupan angin. Tiupan angin yang bermula pada hari siang akan berpanjangan, tetapi angin yang memulakan tiupannya pada hari malam tidak akan berpanjangan. Kita mesti mengambil berat tentang kelima-lima bentuk pembakaran dalam hubungan dengan peperangan selain berusaha memahami matlamatnya. Mereka yang beralih kepada api sebagai alat bantu untuk menyerang musuh memerlukan pengamatan tajam, sementara mereka yang menggunakan air pula, memerlukan tenaga yang banyak. Dengan menggunakan air, kita berupaya memutuskan laluan bekalan musuh, tetapi tidak mungkin merampas barang kepunyaan mereka. Jika sesudah satu-satu kejayaan, seseorang itu masih gagal memberikan ganjaran yang sewajarnya kepada orang yang sudah berjasa, kesannya adalah amat buruk. Yang pasti, pada masa akan datang, tiada sesiapa lagi yang berminat memperlihatkan kesungguhan sejati dalam perjuangannya.

Justeru itu dikatakan, ‘Apa yang dirancangan pemerintah yang bijak akan dilaksanakan panglima yang setia’. Jangan memulakan peperangan melainkan peluang untuk menang adalah cerah. Jangan memilih peperangan sebagai jalan penyelesaian melainkan ada jaminan kemenangan. Jangan mencetuskan peperangan melainkan keadaan menjadi genting dan mendesak atau tiada lagi pilihan lain. Sebagai pemerintah, kita jangan mencetuskan peperangan kerana perasaan marah semata-mata. Sebagai panglima, kita jangan mencetuskan peperangan dengan niat untuk menyakiti pihak yang satu lagi semata-mata. Sama ada meneruskan perjuangannya atau tidak, seharusnya ditentukan pertimbangan akan kejayaan yang bakal dicapai. Orang yang pemarah mungkin bertukar menjadi orang yang penyabar, orang yang sentiasa berduka pula mungkin bertukar menjadi orang yang periang. Tetapi sebuah negeri yang telah dimusnahkan tidak mungkin dipulihkan semula; individu yang telah dibunuh itu, tidak mungkin hidup kembali. Oleh yang demikian, pemerintah yang bijak perlu prihatin tentang hal ehwal peperangan, sementara panglima yang cekap

perlu sentiasa berjaga-jaga di medan perang. Inilah caranya untuk menjamin keamanan dalam negeri selain keselamatan anggota ketumbukan tentera.

14. PENGINTIPAN

Bagi menegakkan ketumbukan tentera yang berjumlah 100,000 orang askar dan untuk berarak melebihi jarak seribu *li*, sememangnya menuntut pembiayaan yang besar di pihak kerajaan dan rakyat negeri itu. Setiap hari, beribu-ribu tael wang perak berkemungkinan dibelanjakan. Kehidupan harian setiap lapisan masyarakat akan tergugat dan masing-masing akan dikerah untuk menyumbangkan tenaga atau perkhidmatan secara sukarela kepada kerajaan. Dianggarkan sebanyak 700,000 buah keluarga mengalami kesukaran untuk meneruskan kegiatan harian mereka. Sekiranya pasukan itu dikerah bertempur bertahun-tahun lamanya, demi sebuah pertempuran yang boleh dimenangi dalam masa satu hari, semata-mata kerana pegawai pemerintah bersikap kedekut dalam menawarkan ganjaran atau mengupah para pengintip merisik kedudukan tentera musuh, ini menunjukkan pegawai pemerintah berkenaan tidak mengambil berat kebajikan anak buahnya. Pegawai sedemikian tidak layak menjadi pemimpin, pembantu pemerintah negeri yang baik atau berkeupayaan mengepalai angkatan tentera ke arah kemenangan. Apa yang membolehkan pemerintah negeri yang bijak dan panglima yang cekap beroleh kejayaan di medan perang adalah pemerolehan maklumat awal tentang kedudukan dan hal-ehwal tentera musuh.

Maklumat sulit sebegini tidak boleh diperolehi hanya melalui persembahan kepada dewa-dewa dan semangat atau melalui pemikiran dan perhitungan logikal. Ia hanya boleh diperolehi daripada orang yang mempunyai pengetahuan terperinci tentang kedudukan pihak musuh. Ada lima jenis pengintipan yang masing-masing mempunyai fungsi yang berlainan:

1. Pengintip tempatan
2. Pengintip dalaman
3. Pengintip belot
4. Pengintip maut
5. Pengintip mubaligh

Apabila kelima-lima kaedah pengintipan ini digandingkan, dan bila musuh tidak menyedari kewujudan mereka, mereka boleh mengerjakan keajaiban dan sekaligus menghulurkan bantuan yang paling berharga kepada seseorang pemerintah negeri.

1. Pengintip tempatan diambil daripada penduduk negeri itu sendiri
2. Pengintip dalaman diambil daripada pegawai musuh yang tidak berpuashati dengan layanan ke atas mereka.
3. Pengintip belot diambil daripada pengintip musuh yang dihantar untuk menjalankan kerja intipan.

4. Pengintip maut terdiri daripada golongan yang sengaja menyebarkan maklumat palsu dan kelak keterangan sedemikian akan disampaikan kepada pihak musuh melalui rakan seperjuangan yang tidak dikenali.
5. Pengintip mubaligh terdiri daripada mereka yang berpura-pura menjadi penghantar utusan, tetapi kelak akan kembali dengan pelbagai jenis maklumat berguna.

Dalam pasukan tentera, tiada sesiapa yang lebih dihormati melainkan pengintip, tiada sesiapa yang lebih layak ditawarkan ganjaran lumayan melainkan pengintip dan tiada sesiapa yang paling banyak berurusan dengan rahsia melainkan pengintip. Hanya orang yang bijak bestari mampu memanfaatkan perkhidmatan intipan dengan jayanya. Hanya orang yang bertimbang rasa, mengambil berat dan budiman mampu mengupah pengintip yang sesuai dengan tugas mereka. Hanya dengan sikap was-was dan kepintaran tinggi, orang itu mampu memanfaatkan hasil-hasil intipan. Bila orang itu mempunyai darjah kecerdasan yang amat tinggi, dia berkemungkinan mencungkil apa jua maklumat sulit dengan jayanya.

Sekiranya orang itu melaporkan penemuan seorang pengintip sebelum hasil penemuan itu diwartakan kepada umum, maka kedua-dua pembekal maklumat dan pengintip itu sendiri sewajarnya dijatuhi hukuman mati. Sama ada kita ingin menyerang sepasukan tentera musuh, menaklukinya mestilah terlebih dahulu memiliki segala maklumat lengkap berhubung dengan nama pegawai memerintah, orang kanan pegawai memerintah, orang suruhan serta tukang angkat barang. Pengintip-pengintip semestinya dihantar untuk menyahihkan maklumat-maklumat tadi. Usaha yang bersungguh-sungguh adalah perlu untuk mengesan pengintip musuh. Bila ditemui, pengintip ini mestilah dirasuah dan dilayan dengan baik agar mereka sanggup menjadi pengintip belot dan berkhidmat untuk tuan baru mereka. Melalui pengintip belot sebagai perantara, kita mungkin mengupah perkhidmatan pengintip tempatan dan pengintip dalaman. Juga melalui pengintip belot sebagai perantara, kita mungkin mencungkil maklumat tentang pengintip maut yang dengan sengaja menyebarkan keterangan palsu tentang kedudukan musuh. Juga melalui pengintip tempatan sebagai pengantara, pengintip mubaligh berupaya melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik. Matlamat utama kelima-lima jenis kaedah pengintipan ini adalah untuk mencungkil maklumat tentang pihak musuh. Jalan yang paling pasti untuk mencungkil maklumat tentang pihak musuh adalah melalui pengintip belot. Justeru itu, pengintip belot mesti dilayan dengan sebaik mungkin.

Pada zaman lampau, kebangkitan dinasti Shang banyak didorong oleh I Yin, yang pada ketika itu adalah pegawai harapan dalam dinasti Shiah; sementara itu dinasti Chou berjaya membentuk kerajaan yang berpengaruh berkat daripada peranan Len Ya, seorang pegawai dalam dinasti Shang. Adalah nyata, hanya pemerintah yang berpengetahuan tinggi dan para panglima yang bijaksana sahaja

tahu mengupah orang yang mempunyai darjah kepintaran yang tinggi untuk berkhidmat sebagai pengintip. Atas alasan sebegini, mereka sewajarnya mencapai kejayaan yang gemilang. Kerja pengintipan, sesungguhnya adalah amat mustahak dalam pelaksanaan perang dan gerak-geri serta tindakan pasukan tentera sememangnya bergantung kepada hasil intipan.

(Sumber asal karya ini adalah dalam bahasa Cina dengan judul 孙子兵法)

Penjemah: Obaidellah Mohamad, Ph D
Jabatan Pengajian Tionghoa
Fakulti Sastera Dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Emel: obaidellah@yahoo.com